

· UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1994/95

Oktober 1994

PDP 418 - Kaedah Mengajar Kesusasteraan I

Masa: [3 jam]

Jawab EMPAT (4) soalan semuanya, satu dari Bahagian A, satu dari Bahagian B dan satu dari Bahagian C. Soalan ke-4 adalah pilihan dari mana-mana bahagian A, B dan C. Setiap soalan mempunyai markah yang sama.

BAHAGIAN A

1. Kemukakan 4 teori kesusasteraan dan hubungkan teori-teori ini dengan matlamat-matlamat dalam kurikulum kesusasteraan di sekolah-sekolah menengah.
[25 markah]
2. Salah satu masalah besar dalam pendidikan kesusasteraan ialah mengenai guru yang mengajarnya. Huraikan ciri-ciri guru yang bermasalah tersebut dan nyatakan bagaimana seharusnya sikap dan peranan yang perlu diamalkannya.
[25 markah]

BAHAGIAN B

3. Huraikan 3 jenis pendekatan mengajar kesusasteraan yang diamalkan di sekolah menengah. Sebutkan juga kelemahan dan kekuatan setiap satu daripadanya.
[25 markah]
4. Huraikan pendekatan dan perancangan mengajar novel yang diamalkan di sekolah-sekolah menengah dengan memberi contoh-contoh yang jelas.
[25 markah]

...2/-

5. Bincangkan bagaimana anda akan mengajar prosa lama seperti dilampirkan dalam (Lampiran A).

[25 markah]

BAHAGIAN C

6. Buat satu perancangan kerja untuk 2 waktu mengenai cerpen yang dilampirkan (Lampiran B). Nyatakan objektif-objektif yang boleh dicapai, langkah-langkah penyampaian, dan aktiviti-aktiviti yang akan dijalankan.

[25 markah]

7. Kemukakan satu tajuk yang bersesuaian bagi puisi yang dilampirkan (Lampiran C). Apakah matlamat dan nilai yang dapat dijadikan isi pelajaran dan nyatakan prosedur melaksanakan pelajaran tersebut.

[25 markah]

8. Kemukakan perbezaan pengajaran drama dengan membaca dan dengan melakonkannya.

[25 markah]

Menderhaka Jangan Sekali

KATA sahibulhikayat maka tersebutlah perkataan anak Sultan Mansur Syah yang bernama Raja Ahmad dan Raja Muhammad itu, kedua-dua pun besarlah. Adapun yang kasad Sultan Mansur Syah Raja Muhammadlah hendak dijadikan raja akan ganti baginda kerana Raja Muhammad itu sangat dikasihi baginda.

Sekali peristiwa Raja Muhammad pergi bermain-main berkuda di kampung Bendahara Paduka Raja. Adapun kepada masa itu Tun Besar anak Bendahara bermain sepak raga di lebuah dengan segala orang muda-muda. Maka Raja Muhammad pun lalu; Tun Besar tengah sedang menyepak raga. Maka raga itu pun jatuh menimpai destar Raja Muhammad, jatuh ke tanah. Maka kata Raja Muhammad, "Ceh! Jatuh destar kita oleh Tun Besar," sama ia memandang penjawatnya.

Maka berlari-lari orang membawa puan baginda, ditikamnya Tun Besar, kena belikatnya terus ke hulu hati. Maka Tun Besar pun matilah. Telah orang melihat Tun Besar mati, maka gemparlah segala anak buah Bendahara Paduka Raja, semuanya keluar dengan segala alat senjatanya. Maka Bendahara Paduka Raja pun keluar bertanya, "Apa sebabnya maka orang gempar ini?"

Maka kata orang itu, "Anakanda Tun Besar mati, dibunuh oleh Raja Muhammad."

Maka segala perihal ehwal itu semuanya dikatakan orang kepada Bendahara Paduka Raja. Maka kata Bendahara, "Jika demikian mengapakah maka kamu sekalian berlengkap-ini?"

Maka sahut segala anak buah Bendahara, "Sahaya semua hendak berbalaskan kematian saudara saya semua."

Maka kata Bendahara, "Hai! Hai! Hendak derhakakah kamu sekalian? Hendak derhakakah? Ceh, kamu sekalian, ceh; kerana tiada adat, hamba Melayu tiada pernah derhaka. Tetapi janganlah kita bertuankan anak raja seorang ini."

Maka segala anak buah Bendahara Paduka Raja diamlah sama-sama, masing-masing menyuruh menyimpan senjatanya. Maka Tun Besar ditanamkan oranglah.

Setelah Sultan Mansur Syah mendengar gempar itu maka baginda pun bertanya, "Apa digemparkan orang itu?"

Sembah Tun Indera Segara, "Tun Besar anak Datuk Bendahara, Tuanku, mati dibunuh oleh paduka anakanda Raja Muhammad." Maka segala perihal itu semuanya dipersembahkan kepada Sultan Mansur Syah.

Maka titah baginda, "Apa kata Bendahara?"

Maka sembah Tun Indera Segara, "Akan kata Datuk Bendahara yang adat hamba Melayu tidak pernah derhaka, tetapi akan kita bertuan akan anak raja ini janganlah."

Setelah didengar oleh Sultan Mansur Syah, baginda menyuruh memanggil Raja Muhammad. Maka titah baginda, "Celaka Si Muhammad ini. Hai Muhammad, apatah dayaku? Engkau ditolak bumi Melaka!"

Maka Sultan Mansur Syah menyuruh memanggil Seri Bija Diraja ke Pahang. Berapa antaranya, maka Seri Bija Diraja datanglah. Maka Raja Muhammad diserahkan baginda pada Seri Bija Diraja, disuruh rajakan di Pahang. Maka Tun Hamzah, menantu Bendahara Seri Amar Diraja, digelar baginda Seri Amar Diraja, maka dijadikan baginda bendahara Pahang dan diberi yang layak jadi Penghulu Bendahari, dan yang patut jadi Temenggung. Dan anak Seri Bija Diraja seorang dijadikan hulubalang besar, digelar Seri Akar Raja; dan anak tuan-tuan yang asal berasal seratus orang laki-laki dan seratus orang perempuan; dan dari Sedeli Besar datang ke Terengganu dianugerahi oleh baginda akan Raja Muhammad. Setelah sudah lengkap, maka Seri Bija Diraja pun pergilah ke Pahang membawa Raja Muhammad. Telah sampai ke Pahang, maka dirajakan-nyalah Raja Muhammad, dan gelar baginda di atas kerajaan, Sultan Muhammad Shah. Maka baginda beristerikan cucu Sultan Iskandar, Raja Kelantan, Mengindera Puteri namanya, beranak tiga orang laki-laki Raja Ahmad seorang namanya, Raja Jamil seorang namanya, Raja Mahmud seorang namanya.

Telah itu maka Seri Bija Diraja kembali ke Melaka. Maka negeri Melaka makin makmurlah, masyhurlah peri kebesaran Melaka itu dari atas angin datang ke bawah angin. Maka oleh segala Arab dinamainya Malakat, tempat perhimpunan segala dagang. Adapun zaman itu sebuah negeri pun tiada menyamai Melaka, melainkan Pasai, dan Haru, tiga buah negeri itu juga sama besarnya. Tua muda pun rajanya berkirimi salam juga. Tetapi orang Pasai barang dari mana surat datang, jika salam pun dibacakannya sembah juga.

Maka pada sekali peristiwa ada seorang Tun Bahara namanya,

orang Pasai; ia datang ke Melaka. Maka Tun Bahara ini pandai terlalu ia bermain catur, tiada siapa menyamai dia pada zaman itu. Maka bercaturlah Tun Bahara itu dengan orang Melaka. Lawannya itu berfikir, ia tiada berfikir, pandang kiri, pandang ke kanan, sambil ia bersyair dan berbait dan bergurindam dan berseloka. Serta sudah ia perang berjalan tas, ia berjalan terlalu bangat, tiada berfikir lagi. Maka segala orang yang tahu-tahu bercatur semuanya alah olehnya, seorang tiada dapat melawan dia, melainkan Tun Pikrama anak Bendahara Paduka Raja juga yang dapat sedikit melawan Tun Bahara itu, tetapi jikalau sekali Tun Pikrama alah, digelarnya oleh Tun Bahara itu sayur keladi; dan jikalau Tun Bahara membuang sebiji bidak di hujung juga alah pula Tun Bahara oleh Tun Pikrama; itulah yang tahu bercatur.

Wallahu a'lamu bis-sawab, wailaihil-marji'uwal-ma'ab

(Sejarah Melayu)

Nostalgia

ANIS

Dengan tidak semena-mena ingatan Asri tertumpu kepada Mak Alang dan Pak Alang di Pontian. Wajah Mak Alang dan Pak Alang terlukis dengan sempurna di ruang pandangannya. Gelak tawa dan celoteh Mak Alang terngiang-ngiang di ruang dengarnya. Sekali-kala Asri tersenyum apabila terbayangkan telatah Mak Alang yang mula belajar hendak melatah. Mata Pak Alang yang tersorok ke dalam tempurung kepala tua itu menyekat Asri daripada terus melebarkan senyumannya. Mata Pak Alang yang hitam membulat itu sentiasa serius.

Asri cuba membaca berita di dada akhbar yang terdedah di hadapannya, akan tetapi celoteh Mak Alang dan renungan serius Pak Alang memenuhi ruang akhbar itu. Wajah Mak Alang dan Pak Alang wujud pada setiap helaian akhbar yang sedang ditatapinya itu.

“Minum airnya, bang. Nanti sejuk.”

Asri menoleh. Badariah sedang asyik mengait. Boleh dikatakan Badariah didapatinya sepanjang masa akan mengait, iaitu kalau dia tidak menumis di dapur; dia akan mengait, kalau dia tidak mengatur perabot dan hiasan rumah, dia akan mengait; kalau dia tidak sibuk-sibuk menggembur tanah dalam pasu bunga, dia akan mengait.

KELAPA NAN SEBATANG

Badariah terasa dirinya diperhati orang lantas mengangkat mukanya. Cepat-cepat Asri mencapai cawan.

Badariah mengangkat mukanya semula. Asri tersedak, air tersembur dari mulutnya. Akhbar kebasahan sedikit.

"Siapakah yang menyebut-nyebut abang ni?" Badariah menjeling lalu kembali kepada jarum kaitannya.

Asri berdehem-dehem melegakan tekaknya.

"Abang ingat nak balik Pontian tiga empat harilah, Bad. Macam mana?"

"Apa halnya dengan tiba-tiba saja hendak ke Pontian?"

"Sejak balik dari Amerika, kita tak pernah jenguk Mak Alang dengan Pak Alang. Entah apa khabar orang tua berdua tu."

"Asyik kita saja nak jenguk dia orang. Dia langsung tak mahu tengok-tengok kita. Ke mari pun tak pernah sekali." Kedua-dua tangan Badariah semakin pantas bergerak memegang jarum kaitannya.

Asri membetulkan kain pelekatnya. Tiada kesan air teh pada kainnya itu. Dia duduk bersandar.

"Kita yang muda inilah yang patut menziarahi yang lebih tua. Lagipun kita mampu hendak ke sana ke mari. Mak Alang dan Pak Alang tu susah kalau nak ke mana-mana."

Semasa Asri menguruskan cutinya di pejabat, ingatannya asyik menerpa kepada keluarga Mak Alang dan Pak Alang. Daripada berita yang pernah dipanjangkan oleh Kak Longnya di Kajang, Kamal (anak sulung Mak Alang dan Pak Alang) baru sebulan dua ditukarkan ke Kota Bharu. Baru Asri teringat yang dia pun belum berjumpa dengan Kamal sejak pulang dari Amerika. Badariah naik bosan apabila Asri tidak berhenti-henti cerita tentang keluarga Mak Alang dan Pak Alang sepanjang perjalanan ke Pontian.

"Abang sebut-sebut nama Mak Alang dan Pak Alang, ada ter sedak orang tua berdua tu di sana."

Mak Alang menekan-nekan dada lusuhnya. Nasi yang hendak ditelannya terhambur keluar.

"Siapalah menyebut nama aku ni?" Tersekat-sekat suara Mak Alang setelah meminum seteguk dua air panas sejuk dan berasa selesa.

"Orang jauh nak datang, emak."

NOSTALGIA

Mak Alang menoleh ke halaman sebelah dapur. Aliya, anak dara suntinya duduk di tunggul pokok kelapa yang disambar petir.

"Orang jauh? Siapa orang jauh?"

"Siapa lagi, kalau tidak Kamal," sampuk Pak Alang dari bangku di bawah pokok inai.

"Bukan abang Kamal, emak. Yang nak datang ni orang jauh. Dah tiga empat hari murai tu sibuk bercakap tentang orang jauh yang nak ke mari," kata Aliya tanpa menoleh ke arah emaknya.

Pak Alang mengerling ke arah Mak Alang dan kemudian kepada Aliya. Matanya semakin tersorok dalam tempurung kepalanya.

"Apa halnya? Baik ke jahat ke?" Mak Alang memanjangkan leher.

"Orang datang nak menziarah," datang jawapan daripada Aliya.

Mak Alang membasuh tangan, bersendawa sekali dan mengucapkan segala pujian untuk Allah. Mak Alang menindih pinggan-nya ke atas pinggan Pak Alang lalu membawa pinggan ke tepi tempayan. Dari tempat duduknya Pak Alang melihat buah rambutan melayut-layut di julai. Warna merahnya memecah selera.

"Kalau ada si Asri, buah rambutan tu jenuh dibuatnya jeruk. Suka benar budak tu dengan jeruk rambutan," Mak Alang bersila kejap-kejap di ambin di tepi tingkap dapur.

"Orang dah tak ingatkan kita, apa awak pula yang terhegeh-hegeh ingatkan dia? Kalau dia teringinkan rambutan tu, tahulah dia ke mari." Mata Pak Alang menuruti Aliya yang perlahan-lahan bangun menuju ke dapur.

"Awak ni tak pasal-pasal nak berkecil hati pulak. Dia banyak kerja tu. Datang dia nanti ke mari. Dia datang bukannya hendakkan rambutan tu, tapi nak tengok kita."

Pak Alang seolah-olah mahu menyalakan paipnya tetapi tangannya bagaikan beku di udara.

"Mata saya bergerak-gerak saja dua tiga hari ni."

Mak Alang mendengus lalu bangun mendapatkan bakul jahitnya di sebalik daun pintu di tengah rumah.

"Kan Kamal nak balik hujung minggu ni. Katanya nak bawa anak-anaknya ke Kelantan. Nak disekolahkan di sana."

"Mata sebelah kiri yang bergerak-gerak."

- a

KELAPA NAN SEBATANG

Aliya terpegun. Tangannya yang hendak menyuap nasi menggeletar sedikit. Bunyi burung murai dari belakang dapur mengalutkan perasaannya.

“Kenapa tak habiskan nasi tu, Liya?”

Aliya tidak menjawab. Dia mengemaskan hidangan, sayur pucuk paku yang tidak habis disimpan dalam almari, demikian juga dengan tempe goreng berlada dan kari ikan masin. Selepas dia pasti bahawa tiada satu ulas nasi pun di atas ambun, Aliya beredar ke belakang dapur.

“Kata Kamal dia teringin benar nak berjumpa dengan Asri. Ingin benar dia nak mendengar cerita Asri di Amerika sana tu.” Mak Alang khusyuk menyibat lengan baju kurung seorang pelanggan. Mulutnya mengerekot apabila memutuskan benang dengan gigitan giginya.

“Sekarang ni Kamal di Kelantan, Asri di Kuala Lumpur, ha susahlah nak berjumpa.”

Kamal menekan-nekan perutnya apabila melihat Ayim, berumur empat tahun, tersembam ke tanah. Ayim mencebik tetapi tidak menangis.

“Anak jantan mesti tahan lasak,” Kamal memberi perangsang kepada Ayim sambil menepuk-nepuk belakang anak kecil itu. Basikal ditegakkan semula.

“Apalagi yang abang nak bawa balik?” Datang suara dari arah bilik. Ros sedang mengemas pakaiannya untuk beberapa hari ke Pontian.

“Bawa apa yang patut, Ros.”

“Kalau dapat jumpa Asri, kan bagus,” Kamal berangan-angan.

“Singgahlah sekejap di Kuala Lumpur tu,” sampuk Ros sambil memasukkan ubat gigi ke dalam beg baju.

“Alamat dia pun kita tak tahu, macam mana?” Kamal membelai rambut Ayim yang ikal.

“Hisy budak Ayim ni, manja sangat pula dia dengan abah dia,” Ros mendengus sambil mencari tuala dari almari pakaian.

“Kan abah dia nak berjalan jauh?” Jawab Kamal selamba.

“Seronok kalau dapat jumpa Asri. Tentu macam-macam ceritanya,” Kamal menambah sambil meletakkan kepalanya di bantal.

NOSTALGIA

Asri terkejut. Badariah menjerit di sebelahnya.

"Baik-baik bawa kereta, bang!" Badariah keceemasan. Tangannya dingin.

Asri berastaghfirullah panjang. Rasanya dia tidak tidur tetapi mengapa lori sayur tadi nyaris-nyaris dilanggarnya.

"Itulah, asyik ceritakan pasal Mak Alang dengan Pak Alang, pandu kereta pun dah tak betul," Badariah mencuka wajahnya.

Asri tersenyum tawar tetapi sesaat kemudian dia teringat keluarga Mak Alang dan Pak Alang semula.

"Budak Liya tu aneh sikit," Asri meneruskan ceritanya setelah senyap beberapa ketika.

Badariah memejamkan mata. Sungguhpun sudah ditelan pil menahan mabuk, tetapi tekaknya tidak menyenangkan dirinya.

"Sejak kecil lagi, dia tak begitu bercampur dengan budak-budak sebaya dengannya. Asyik benar dia ke hutan di belakang dapur tu. Dia berkawan dengan tupai, dengan burung, dengan unggas."

Asri mencapai gula-gula lalu membuka bungkusan gula-gula itu. Kemudian dia mengesip-ngesip gula-gula untuk menghilangkan rasa kantuk.

"Mak Alang dan Pak Alang sudah tentu terperanjat bila kita sampai nanti," ulas Asri tanpa diminta Badariah.

Mak Alang terburu-buru keluar apabila Pak Alang melaungkan dari laman rumahnya yang Asri dan Badariah datang. Cahaya gembira bersinar di semua kedut tua pada muka Mak Alang. Asri dipeluknya erat-erat. Dada Asri terasa basah. Bahu pejal Asri diusap-usap. Kemudian Badariah dibeleknya sebelum didakapnya dengan mesra.

"Padaaaaaanlah Mak alang tersedak-sedak bila makan. Rupanya engkau orang yang menyebut-nyebut nama Mak Alang, ya?"

"Agaknya engkau yang Liya maksudkan. Katanya ada orang jauh nak datang menziarah," Pak Alang bersuara garau.

"Liya mana?"

Aliya terhenti melangkah. Murai di belakang dapur tidak menyenangkan hatinya. Dia tidak jadi mendapatkan abang Asri yang baru tiba itu.

KELAPA NAN SEBATANG

“Mak Alang asyik teringatkan kau tiga empat hari ini. Tengoklah, buah rambutan melayut-layut. Engkau saja yang suka makan jeruk rambutan.”

Asri berdekah-dekah.

“Budak Liya tu pun ada mengatakan yang dia terasa ada orang jauh nak datang dua tiga hari dulu,” Mak Alang bercerita sambil mengunjukkan piring berisi cempedak goreng kepada Badariah. Badariah tersenyum lesu, menggeleng kepala. Dahinya dipicit-picit.

Dekahan Asri membeku di udara. Dia teringatkan seorang profesornya semasa di Amerika. Anjing profesor itu seekor binatang yang sangat besar dan menakutkan Asri. Tetapi profesor mengatakan bahawa Asri tak perlu takut kepada anjing. Anjing menyerang orang yang takutkannya sahaja. Orang yang takutkan anjing akan mengeluarkan sejenis bau yang dapat dikesan oleh anjing tersebut. Asri memandang ke kejauhan. Kalau semasa takut badan kita mengeluarkan sejenis bau, bagaimana pula kalau kita gembira, cemas, marah, rindu? Adakah badan kita ini merupakan daya tenaga yang tertentu?

“Mata Pak Alang pula asyik bergerak saja. Sebelah sini ni.”

Mak Alang terlihat sekilas bayang risau pada mata Aliya. Dia meneguk air liur. Pak Alang dikerlingnya. Perlahan-lahan Aliya meninggalkan kumpulan keluarga itu dan menyatukan dirinya dengan alam di belakang rumahnya.

Sebelum tidur malam itu, Asri telah membuat banyak rancangan dengan Mak Alang dan Pak Alang, tetapi rancangan utamanya ialah untuk mengait rambutan dan membuat jeruk rambutan. Asri tertidur dengan sebuah senyuman terentang di wajah letihnya.

Asri menggesek-gesek mata mengantuknya. Malam yang sepatutnya sunyi sudah tidak sunyi lagi. Esakan Mak Alang mencabar keimanannya. Pak Alang tunduk menyembunyikan kepedihan pada mata dan hatinya.

Rumah Mak Alang dan Pak Alang sudah terang-benderang. Tuk Ketua bersila kukuh di sisi Pak Alang. Asri bersalaman dengan Tuk Ketua.

“Bila sampai?”

“Petang tadi.”

Esakan Mak Alang menggugat suasana.

NOSTALGIA

"Bawa-bawa bersabarlah."

Dua tiga orang jiran muncul di muka pintu. Mereka bersalaman dengan Tuk Ketua, Pak Alang dan juga Asri.

"Mereka akan berangkat sebelah pagi esok," kata seorang jiran kepada Tuk Ketua.

"Kurang-kurangnya sampai sebelah malam," jiran seorang lagi menyambung sambil membetulkan letak songkok tua di atas kepalanya. "Mungkin subuh," katanya lagi setelah berfikir dua ketika.

"Mentuanya di Semerah sudah pun diberitahu. Kasihan orang tua tu. Terperanjat dia. Budak-budak dua orang tu tengah tidur," seorang lagi jiran melanjutkan acara menyampaikan maklumat kepada Tuk Ketua.

Tuk Ketua cuma mengangguk dan mengangguk.

Asri terasa dirinya diperhati orang. Matanya berkeliaran mencari orang yang memerhatinya lantas bertembung dengan Aliya yang sedang tercegat di muka pintu dapur. Aliya menenyeh-nenyeh hidung yang tersumbat.

Asri menoleh. Pak Alang sedang memerhati mereka berdua. Sekejap kepada Asri dan sekejap ke arah Aliya. Di telinga Pak Alang datang suara Aliya tengah hari tadi.

"Orang datang nak menziarah."

Pak Alang menarik nafas panjang. Perlahan-lahan dijatuhkan mukanya dalam kedua-dua telapak tangannya.

Asri turut tunduk. Suara profesornya di Amerika datang menyelinap di celah-celah anyaman tikar mengkuang yang menutup ruang lantai depan rumah Pak Alang. Suara itu lembut, hati-hati tetapi tersangat lantang.

"Mengikut kelaziman dan mengikut pengamatan manusia, sebab akan berlaku sebelum akibat. Bila berlaku sebab sebelum akibat, maka sudah dianggap sebagai suatu yang logik. Fikiran kita manusia yang menampalkan label 'logik' kepada dua peristiwa yang berurutan: satu yang terdahulu kita namakan sebab dan kejadian yang lazimnya berlaku selepas sebab itu kita namakan akibat. Akan tetapi dulia atau alam kita yang asli, yang tidak dicemari oleh unsur-unsur pemikiran manusia yang amat terbatas, mempunyai satu sis-

KELAPA NAN SEBATANG

temnya yang tersendiri yang kita dapati aneh kerana ada ketika akibat akan berlaku terdahulu daripada sebab.”

Pada mulanya Asri menganggap kata-kata profesor yang berjanggut putih itu sebagai satu teka-teki. Dia mahu ketawa tetapi kerana menghormati taraf keilmuan profesor itu, dia cuba menyorokkan ketawa yang mahu meletus itu. Banyak keanehan yang dikesannya terdapat pada profesor yang berjalan bongkok itu tetapi Asri seronok berdampingan dengannya.

Asri mengerling ke arah Pak Alang. Agaknya mata sebelah kiri Pak Alang tidak bergerak-gerak lagi.

“Katanya nak balik hujung minggu ni?” Tuk Ketua menghadapkan mukanya ke arah Pak Alang.

Pak Alang mengangguk sekali, “Nak membawa anak-anaknya yang dua orang tu ke sana. Bersekolah di sana.”

“Apa sakitnya Pak Hud?” seorang jiran berketayap putih kumal turut bersuara sama.

“Setahu saya, dia tidak mengidap sebarang sakit,” jawab Pak Alang dengan suara lemah dan pedih.

“Rezeki, jodoh, maut, semuanya bukan urusan kita,” datang pendapat yang tak lapuk dek hujan tak lekang dek panas daripada Tuk Ketua.

Pak Alang menegakkan mukanya perlahan-lahan. Beria-ia benar dalam suratnya Kamal memberitahu yang ia sangat ingin berjumpa dengan Asri. Secara kebetulan (benarkah kebetulan?) Asri pula telah sampai di Pontian pada saat Kamal mahu pulang ke Pontian untuk menjemput anak-anaknya ke Kelantan untuk bersekolah di sana. Mereka tetap bertemu, mereka pasti bertemu walaupun yang bertemu itu hanyalah Asri dengan jenazah Kamal. Asri ke Pontian bukan hanya untuk menziarahi Pak Alang dan Mak Alang tetapi juga untuk menziarahi jenazah Kamal. Terkabul juga permintaan Kamal dan tercapai juga hasrat Asri.

Mak Alang tidak lagi tersedak-sedak.

Mata sebelah kiri Pak Alang tidak lagi tergerak-gerak.

Suasana

Usman Awang

Seorang perempuan bersamfu hijau
dari tingkap dapur rumahnya berteriak
dan bertanya sambil membungkus Nien Kau
lalu tertawa mengangkat tutup periuk
wap panas menjulang harum kanji nasi
dan dari rumah sebelah terdengar suara lunak
perempuan berbaju kurung menjawab senyum
sedang jari-jarinya lincah mengisi ketupat
dan sesekali menyudip serunding di kuali
segar selera dicecah baunya yang wangi.

Dari kejauhan suara-suara muda yang riang
pekikan dan tertawa di antara letupan mercun
dan kedua ibu saling memandang dan tersenyum
tanpa seruan pura-pura dari pentas-pentas politik
hati mereka bersalaman dan saling berpelukan
atas kesederhanaan rasa dan nasib yang sama

Esoknya kuih pau dan ketupat bertukar pinggan
mereka saling menerima dan memberikan kepunyaan
dan dari kedua telaga hati berkocak mesra
mengucapkan Kong Hee dan Selamat Hari Raya

1965